

Kenal pasti dan betulkan kesalahan perkataan yang terdapat dalam bahan.

KBAT | Menganalisis

Kalau Tidak Dipecahkan Ruyung, Manakan Dapat Sagunya

Amiera merupakan pelajar tingkatan lima. Dia merupakan anak **tunggul** dan tinggal bersama ibunya setelah **bermatian** ayahnya sejak dia berumur enam tahun lagi. Sejak kematian ayahnya, kehidupan Amiera sangat daif. Ibunya terpaksa **melelong** kuih untuk menyara kehidupan mereka berdua. **Sajak** berumur lima tahun lagi, Amiera mula menolong ibunya menjual **kuih-kuih** pada setiap pagi sebelum pergi ke sekolah. Dia sedar bahawa dia perlu membantu ibunya yang semakin tua untuk mencari nafkah bagi mereka berdua.

Pada waktu malam, Amiera menolong ibunya membuat kuih. Dalam masa yang sama juga, Amiera berusaha mengulang kaji pelajaran. **Semua rakan-rakan** Amiera yang mampu akan pergi ke kelas bimbingan di pekan tetapi Amiera hanya belajar di rumah tanpa bimbingan **dari** sesiapa. Dia percaya, "Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya". Oleh sebab itu, Amiera **bertekak** untuk belajar bersungguh-sungguh.

Pada hari Isnin, pengetua memberitahu bahawa peperiksaan SPM akan bermula **di** minggu hadapan. Guru besar berharap agar semua calon SPM di sekolahnya mengulang kaji pelajaran dengan lebih tekun lagi. Amiera berusaha bersungguh-sungguh untuk mengulang kaji pelajarannya. Ibunya pula sentiasa berdoa dan memberi dorongan kepadanya agar Amiera berjaya mendapat keputusan yang cemerlang nanti. Berkat doanya dan ibunya serta usaha Amiera yang gigih, dia telah berjaya dengan **cermerlang** dalam peperiksaan SPM itu. Dia ditawarkan untuk melanjutkan pelajarannya ke menara gading. Amiera amat bersyukur dan berasa **amat sungguh gembira**.

Guru-guru dan rakan-rakannya sangat bangga atas kejayaan Amiera. Apatah lagi ibunya yang amat mengharapkan kejayaan anaknya itu. Amiera berjanji akan terus berusaha supaya dapat membantu ibunya kelak. Akhirnya, Amiera telah **mendapatkan** segulung ijazah dan pekerjaan yang terjamin. Kini, ibunya hidup lebih senang bersamanya.

Kesalahan Perkataan	
SALAH	BETUL
tunggul	
bermatian	
melelong	
Sajak	
kuih - kuih	
Semua rakan - rakan	
dari	
bertekak	
di	
cermerlang	
amat sungguh gembira	
mendapatkan	

Tandatangan Guru: _____